

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RAK 132 - Pengantar Alam Bina

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A (20 markah)

Jawab SEMUA Soalan, jawapan mestilah dibuat di atas kertas jawapan yang disediakan.

SOALAN 1 hingga 10 (BETUL ATAU SALAH)

1. Alam Bina tidak dapat difahami dengan menganalisis bentuk sahaja. Bagaimana bentuk itu dihasilkan dan apakah niat si penghasil mestilah diketahui juga.
2. Hasil dalam Alam Bina dihadkan kepada apa yang dibina oleh manusia. Oleh yang demikian terhad kepada skala bangunan dengan hasil seperti rumah, pejabat, kilang, kedai atau sekolah.
3. Niat dalam penghasilan Alam Bina merangkumi objektif, matlamat atau tujuan kenapa sesuatu itu dilakukan atau kenapa sesuatu produk itu dihasilkan.
4. Aktor adalah si empunya niat. Sebagai individu, aktor tidak dapat mewakili satu-satu institusi.
5. Laku adalah perbuatan aktor dalam menghasilkan produk. Dalam penghasilan sesuatu bangunan, laku adalah binaan iaitu menyediakan acuan, menuang konkrit dan mengemaskannya.
6. Laku digerakkan oleh kepercayaan seseorang aktor tentang penghasilan. Kepercayaan juga dikenali sebagai teori. Walau bagaimana pun teori tidak wujud sehingga hipotesis-hipotesis tentang penghasilan dibuktikan dahulu.
7. Scenario adalah adegan, babak atau bahagian cerita dalam sesuatu penghasilan. Dalam penghasilan Alam Bina, scenario ini adalah sejarah penghasilan Alam Bina tersebut.
8. Scenario boleh dipecahkan kepada babak-babak atau adegan. Adegan boleh disusun semula mengikut apa-apa aturan untuk menghasilkan scenario yang berlainan. Ini adalah kerana penyusunan babak-babak bergantung kepada teori atau kepercayaan berlainan.

9. Penghasilan bermaksud pemajuan. Pemajuan adalah sebahagian dari pembangunan. Kemajuan adalah niat pembangunan. Oleh yang demikian, hasil pemajuan ialah kemajuan.
10. Apa yang dipercayai kemajuan oleh satu aktor boleh dibuktikan sebagai kemunduran oleh aktor lain. Oleh yang demikian, kemajuan adalah satu konsep yang subjektif. Subjektif ini ialah pluralisme.

BAHAGIAN B (30 markah)Jawab SEMUA Soalan.

11. Kesemua aktor-aktor berikut terlibat di dalam pemajuan FORMAL melainkan
 - A. Arkitek
 - B. Tukang
 - C. Pengguna
 - D. Ahli Politik
12. Kesemua aktor-aktor berikut terlibat di dalam pemajuan INFORMAL melainkan
 - A. Arkitek
 - B. Tukang
 - C. Pengguna
 - D. Ahli Politik
13. Sebagai salah satu dari aktor dalam pemjuuan di Pulau Pinang. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bertanggungjawab dalam kesemua perkara dibawah melainkan
 - A. Mengurus kerjaya iaitu jalan, lorong belakang, parit, bertuang, saliran utama, taman, kebun, tempat letak kereta, perkuburan.
 - B. Mengurus kerja kesihatan awam dengan mengangkat sampah, mengangkat najis, mengawal nyamuk, haiwan perosak, mencegah pengotoran, mendendali pengkebumian, menggali semula mayat.
 - C. Mengawal bangunan, menyelenggara bangunan MPPP, menyediakan pelan bangunan untuk projek pemajuan MPPP.
 - D. Mengenakan cukai harta dan pembelian atau penjualan tanah, menetapkan harga rumah untuk pemajuan kos rendah, sederhana dan tinggi bersesuaian dengan lokasi pemajuan di Pulau Pinang.

14. Alam Bina mencakupi penghasilan di skala-skala berikut

- i. Petempatan Manusia
- ii. Bangunan
- iii. Dalaman
- iv. Objek

Pemajuan ditakrifkan sebagai perubahan yang berlaku pada skala

- A. i
- B. i dan ii
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

15. Di dalam proses kemajuan sesuatu bidang, terdapat laku-laku berikut

- i. Menumbangkan aktor dan mengutarakan aktor yang lebih baik.
- ii. Menumbangkan niat dan mengutarakan niat yang lebih baik.
- iii. Menumbangkan laku dan mengutarakan laku yang lebih baik.
- iv. Menumbangkan hasil dan menghasilkan produk yang lebih baik.
- v. Menumbangkan model penghasilan dan mengutarakan model yang lebih baik.

Kritikan adalah

- A. i, ii, iii, iv
- B. ii, iii, iv, v
- C. ii, iii, v
- D. Kesemua di atas.

SOALAN 16 - 18

Perkhidmatan asas arkitek dibahagikan kepada fasa-fasa berikut

- i. Rekabentuk Skematic
- ii. Rekabentuk Perincian
- iii. Dokumentasi Kontrak
- iv. Pengurusan Kontrak

16. Dalam satu-satu pemajuan, perkhidmatan jurukur bahan biasanya melibatkan pada fasa

- A. ii, iii dan iv
- B. iii dan iv
- C. iv
- D. Kesemua i hingga iv

17. Dalam satu-satu pemajuan, perkhidmatan jurutera biasanya dilibatkan pada fasa
- ii, iii dan iv
 - iii dan iv
 - iv
 - Kesemua i hingga iv
18. Dalam satu-satu pemajuan, perkhidmatan Pengurus Projek biasanya dilibatkan pada fasa
- ii, iii dan iv
 - iii dan iv
 - iv
 - Kesemua i hingga iv

SOALAN 19 - 20

Berikut adalah bentuk-bentuk penyampaian perumahan.

- Rumah siap dengan kemasan dan perabut.
 - Rumah mengandungi atruktur dan perkhidmatan asas tanpa dinding pembahagi.
 - Rumah mengandungi dapur dan ibu rumah dan kawasan lapang wujud untuk pembesaran rumah.
 - Rumah tiada. Tapak rumah mengandungi infrastruktur - jalan, elektrik, bekalan air dan saliran najis.
 - Rumahnya tiada. Hanya tapak saja yang disediakan.
19. Arkitek hanya dapat menghasilkan
- i dan ii
 - i, ii dan iii
 - i, ii, iii dan iv
 - Kesemua i hingga v.
20. Pengguna dapat berpartisipasi dalam
- i, ii, iii dan iv
 - i, iii, iv dan v
 - ii, iii, iv dan v
 - Kesemua i hingga v

BAHAGIAN C (30 markah)

JAWAB SOALAN NO. 21 dan SATU SOALAN LAIN.

21. "Perlunya satu ruang pameran/kritikan atau galeri di Pusat Pengajian PBP telah ditimbulkan pada tahun 1986. Setelah diluluskan cadangannya, bentuk galeri diubah. Setelah bangunan ini dihasilkan, guna ruang pula diubah untuk memuatkan Pejabat Am dilantai bawah, memaksa perubahan tertentu lantai atas digunakan sebagai galeri buat seketika dan kemudianya dibahagi dua untuk memuatkan Pusat Sumber dan Makmal Struktur dengan masalahnya yang tertentu. Sejak tahun 1992, ruang pameran/kritikan atau galeri ini tidak lagi wujud di PBP". Bincangkan penghasilan ini.

(20 markah)

22. Kenapakah arkitek itu menjadi aktor utama di dalam pemajuan ? Apakah peranan rekabentuk disini ?

(10 markah)

23. Jelaskan maksud merekabentuk mengikut a) jenis bangunan dan b) keperluan prestasi (performance requirements) dalam menghasilkan satu bangunan institusi.

(10 markah)

24. Terangkan maksud prilaku dalam penghasilan Alam Bina. Tunjukkan bagaimana ia mempengaruhi satu-satu pemajuan.

(10 markah)

25. Apakah maksud perubagan di dalam Alam Bina ? Bagaimanakah ini menjadikan Alam Bina itu satu yang kompleks ?

(10 markah)

...6/-

BAHAGIAN D (20 markah)

Jawab SATU Soalan Sahaja.

26. Apakah dia pergerakan Hijau. Di manakah ia bercanggah dengan program pemajuan di Malaysia ? Apakah peranan di dalam konflik ini ? Apakah pengaruhnya kepada Alam Bina ?

(20 markah)

27. Apakah konservasi ? Menggunakan contoh yang terdapat di George Town, di Pulau Pinang, terangkan maksud "konservasi lawan konservasi". Bagaimanakah satu bentuk konservasi itu terpilih dalam pemajuan bandaraya ini ? Apakah pada hemat anda pengaruhnya kepada pemajuan seterusnya ?

(20 markah)

28. Apakah maksud "Perkembangan elektronik telah dan akan terus mengecilkan dunia ini ? Bagaimana elektronik digunakan di dalam pemajuan ? Adakah ia penentuan penciptaan bangunan bijak ? Bagaimana ia menentukan watak anda sebagai aktor di dalam penghasilan Alam Bina di Malaysia ?

(20 markah)

29. Apakah erti pengawalan prilaku manusia di dalam satu-satu persekitaran ? Kenapakah, misalnya di kilang-kilang, ianya perlu? Bagaimana unsur rekabentuk digunakan untuk niat pengawalan ini? Apakah hadnya ?

(20 markah)

30. Apakah peranan sejarah dan kritikan dalam memahami Alam Bina ? Bagaimana ia dapat mendorong kemajuan di dalam pemajuan ?

(20 markah)

...7/-

KERTAS JAWAPAN

BAHAGIAN A (20 markah)

1. Betul Salah
2. Betul Salah
3. Betul Salah
4. Betul Salah
5. Betul Salah
6. Betul Salah
7. Betul Salah
8. Betul Salah
9. Betul Salah
10. Betul Salah

BAHAGIAN B (30 markah)

11. A B C D
12. A B C D
13. A B C D
14. A B C D
15. A B C D
16. A B C D
17. A B C D
18. A B C D
19. A B C D
20. A B C D

